

Untung RM25.783 juta

Supermax Corporation Bhd mencatat keuntungan bersih RM25.783 juta pada suku kedua berakhir 30 Jun 2009 berbanding RM13.525 juta suku sama tahun sebelumnya.

Pendapatannya dalam tempoh itu bagaimanapun susut sedikit kepada RM188.485 juta daripada RM193.286 juta.

Ia mencatat keuntungan bersih terkumpul berjumlah RM45.490 juta untuk tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2009 berbanding RM29.739 juta tempoh sama tahun sebelumnya diraih daripada pendapatan terkumpul RM380.856 juta.

**11th July 09 - Berita
Harian**